

e-Buletin JSKM

EDISI
APRIL
2026

INFORMASI • INSPIRASI • IMPIAN



Menyemai Harapan,

MENYANTUNI PEJUANG KECIL

Menghubungkan ilmu, empati dan tanggungjawab sosial dalam menyantuni kanak-kanak pesakit kanser.

“ Saya percaya bahawa ilmu akan lebih bermakna apabila ia mampu menyentuh kehidupan dan membawa harapan kepada mereka yang memerlukan. ”

- Siti Asmah Mohamed -

MAJLIS
APRESIASI JSKM
2026

Laporan

RAFAH YANG
DIRATAH TIDAK
PERNAH PUNAH

Puisi

MENELUSURI
PASIR DAN
KABUS BROMO

Perkongsian

eISSN 2637-0077



9 772637 007004

Majlis Apresiasi JSKM 2026

Ts. Azlina Mohd Mydin



Sebanyak tiga belas (13) kategori anugerah telah disampaikan sijil penghargaan kepada penerima yang layak. Bagi anugerah yang menyumbang kepada KPI jabatan, beberapa kategori utama telah diperkenalkan iaitu Anugerah Penerbitan, Anugerah Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) dan Anugerah Perundingan. Anugerah Penerbitan diberikan kepada semua individu yang berjaya menghasilkan penerbitan berkualiti sama ada dalam bentuk jurnal, buku mahupun prosiding.

Anugerah CSR pula mengiktiraf penglibatan aktif warga jabatan dalam program khidmat masyarakat yang memberi impak positif kepada komuniti. Manakala Anugerah Perundingan diberikan kepada individu yang berjaya menjana kepakaran dan kerjasama strategik melalui projek perundingan bersama industri atau agensi luar.

Majlis dimulakan dengan ucapan aluan dan penghargaan daripada koordinator jabatan iaitu Dr. Nor Hanim Binti Abd Rahman, yang menekankan kepentingan kerjasama berpasukan, integriti dan komitmen dalam memastikan kejayaan organisasi terutama jabatan JSKM. Suasana majlis yang santai tetapi penuh bermakna telah mengeratkan lagi hubungan silaturahim dalam kalangan warga JSKM.

Pada 3 Februari 2026, Majlis Apresiasi JSKM 2026 telah berlangsung dengan jayanya di Bilik De Pauh Garden. Majlis yang bermula pada jam 10.00 pagi hingga 1.00 tengah hari. Ianya dianjurkan sebagai tanda penghargaan kepada warga Jabatan Sains Kesihatan Masyarakat (JSKM) atas komitmen dan dedikasi yang telah diberikan sepanjang tahun.

Majlis ini diadakan bertujuan untuk meraikan serta menghargai staf yang telah menunjukkan prestasi cemerlang dalam pelaksanaan tugas, sumbangan terhadap pencapaian KPI jabatan serta penglibatan aktif dalam program dan aktiviti kampus. Kehadiran para staf dan jemputan khas telah menyerikan lagi suasana majlis yang penuh bermakna ini.





Keseluruhannya, anugerah-anugerah ini membuktikan komitmen individu dan jabatan dalam membudayakan kecemerlangan dan menghargai setiap usaha yang menyumbang kepada peningkatan prestasi organisasi. Diharapkan pengiktirafan ini akan terus menyuntik inspirasi kepada semua warga jabatan untuk melakar lebih banyak kejayaan pada masa akan datang. Majlis Apresiasi JSKM 2026 telah mencapai objektif penganjurannya dan diharapkan program seperti ini dapat diteruskan pada masa akan datang sebagai platform menghargai jasa dan pengorbanan seluruh warga jabatan.



Selain itu, turut diperkenalkan Anugerah Pencapaian KPI Individu sebagai penghargaan kepada staf yang menunjukkan prestasi cemerlang dalam pelbagai bidang. Antara kategori yang dinilai termasuklah penglibatan aktif dalam sukan, penyertaan sebagai reviewer atau juri pertandingan, penghasilan inovasi, penglibatan dalam program CSR, penyeliaan projek akhir pelajar serta pembangunan kursus dalam talian seperti MOOC atau MC.

Di penghujung majlis penganugerahan, acara diteruskan dengan majlis makan sebagai tanda kesyukuran dan meraikan kejayaan bersama dalam suasana penuh harmoni dan kemesraan. Majlis ini turut menjadi platform untuk mengeratkan silaturahim dalam kalangan warga jabatan. Sebagai tanda penghargaan, cenderamata juga telah diberikan kepada semua staf yang hadir sebagai simbol terima kasih atas komitmen dan sokongan yang berterusan.

Keseluruhannya, anugerah-anugerah ini membuktikan komitmen individu dan jabatan dalam membudayakan kecemerlangan dan menghargai setiap usaha yang menyumbang kepada peningkatan prestasi organisasi. Diharapkan pengiktirafan ini akan terus menyuntik inspirasi kepada semua warga jabatan untuk melakar lebih banyak kejayaan pada masa akan datang. Majlis Apresiasi JSKM 2026 telah mencapai objektif penganjurannya dan diharapkan program seperti ini dapat diteruskan pada masa akan datang sebagai platform menghargai jasa dan pengorbanan seluruh warga jabatan.



اَبُو بَكْرٍ مُسَدِّدِي نَيْكَةِ لَوْ كُنِيَ مَبَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Pulau Pinang
Kampus Permatang Pauh

Unit Penerbitan e-Buletin
Jabatan Sains Komputer dan Matematik
UiTM Cawangan Pulau Pinang
13500 Permatang Pauh
Pulau Pinang

eISSN 2637-0077



9 772637007004